



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA CADANG INISIATIF PEMBINAAN NEGARA BANGSA DALAM RMK-13

SIBU, 26 Julai – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak (JPNIN) telah mengadakan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Sarawak pada 25 - 27 Julai 2025 di Dataran Tun Tuanku Haji Bujang, Sibu.

Sambutan Minggu Perpaduan di Sarawak membawa kesinambungan kepada gelombang perpaduan yang telah digerakkan di peringkat kebangsaan. Program-program yang dianjurkan hari ini sama ada pameran kebudayaan, aktiviti komuniti, sukan rakyat, pameran etnik, dialog antara kaum, aktiviti belia, dan persembahan seni bukan sahaja bertujuan sebagai hiburan, tetapi **menjadi saluran untuk memperkukuhkan akar perpaduan.**

Dalam ucapannya, YB Dato' Sri Aaron Ago Dagang memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara telah **mengemukakan 21 cadangan inisiatif kepada Kementerian Ekonomi untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)** yang bakal dibentangkan minggu hadapan.

Beliau menegaskan bahawa salah satu fokus utama dalam RMK-13 ialah **Pembinaan Negara Bangsa**, yang sangat penting bagi Malaysia sebagai sebuah negara berbilang bangsa dan budaya. Inisiatif ini sejajar dengan hala tuju kementerian dalam usaha **mencapai perpaduan negara secara mampan, sekaligus memperkukuh perpaduan dan keharmonian antara rakyat dalam jangka panjang.**

Tambah beliau lagi, KPN kini sedang **merangka satu kerangka komprehensif ke arah pembinaan negara bangsa sebagai matlamat akhir perpaduan nasional** yang juga merupakan usaha jangka panjang untuk menguatkan jati diri kebangsaan dalam hati dan jiwa setiap rakyat Malaysia.

UNTUK SIARAN SEGERA

Pelbagai program telah diadakan sepanjang SMP Sarawak seperti Sukan rakyat, Senam perpaduan, Pertandingan Bertandak/Nopeng, Tayangan filem patriotik, serta pameran jabatan dan agensi kerajaan.

Kementerian Perpaduan Negara

26 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (57)